

PEMBELAJARAN MURID SEKOLAH KEBANGSAAN MABUL DIPERKASA MENERUSI PROGRAM HASiL KASIH PRIHATIN 2022

Semporna, 30 Jun 2022 – Pembelajaran murid Sekolah Kebangsaan Mabul diperkasakan menerusi Program HASiL Kasih Prihatin 2022 anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

Program yang digerakkan oleh Pejabat Pengarah Negeri Sabah (PPNS) dengan kerjasama Kor Penyelaras Pasukan Beruniform (KPPU) dan Kelab Penyelam HASiL (HASiL Divers) ini dilaksanakan sebagai menjunjung prinsip kemakmuran negara sewajar dinikmati bersama.

Dalam program tersebut sumbangan berupa dua unit komputer riba, seunit mesin cetak, seunit projektor, seunit papan tanda baharu nama sekolah, dua unit kipas industri dan 10 kotak kertas A4 telah diserahkan sebagai usaha untuk membantu menaik taraf kemudahan pembelajaran di sekolah berkenaan. Turut disumbangkan oleh HASiL ialah 250 unit beg sekolah baharu dan 300 pek makanan untuk dimanfaatkan oleh semua murid dan guru di sekolah tersebut.

Perasmian program dan penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL. Dalam ucapan perasmianya, beliau memaklumkan bahawa program CSR HASiL pada kali ini menumpukan kepada tiga aktiviti utama iaitu:

- i. CSR Marin yang memberi fokus kepada kelestarian hidupan laut;
- ii. CSR Komuniti yang menyasarkan kesejahteraan komuniti setempat; dan
- iii. CSR SK Mabul yang berorientasikan pembangunan pembelajaran murid.

Program ini juga membuktikan bahawa peranan dan tanggungjawab Keluarga HASiL tidak hanya terhad kepada mentadbir cukai langsung semata-mata, sebaliknya HASiL turut berperanan membantu masyarakat menerusi program kesedaran dan pendidikan sekali gus mampu memberi kesan kepada peningkatan pematuhan cukai secara sukarela di negara ini.

Tambah beliau lagi, pelaksanaan serta penganjuran berterusan program seperti ini merupakan tanda sokongan padu HASiL kepada pembangunan modal insan termasuklah kepada masyarakat luar bandar dan ia juga merupakan salah satu pendekatan strategik HASiL dalam mendekati diri kepada masyarakat.

Hadir bersama-sama menjayakan program ini adalah barisan pengurusan tertinggi HASiL iaitu YBrs. Encik Abu Tariq bin Jamaluddin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan), YBhg. Datuk Hajam bin Lajah Alam, Pengarah Negeri Sabah, Tuan Haji

Mohd Yusof bin Jalal, Ketua Kampung Pulau Mabul dan Encik Lawaddin bin Jammaal,
Guru Besar SK Pulau Mabul.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 Jun 2022



LAMPIRAN



YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi, KPE HASiL menyampaikan ucapan perasmian Program HASiL Kasih Prihatin 2022 di Pulau Mabul, Sabah. (Gambar di atas)

YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi menyampaikan alat bantuan mengajar kepada Encik Lawaddin bin Jammaal, Guru Besar SK Pulau Mabul bagi menaik taraf kemudahan di sekolah berkenaan. (Gambar di bawah)



LAMPIRAN



YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi menyerahkan sumbangan bag sekolah kepada murid SK Pulau Mabul sambil disaksikan oleh YBhg. Datuk Hajam bin Lajah Alam, Pengarah Negeri Sabah dan Encik Lawaddin bin Jammaal, Guru Besar SK Pulau Mabul. (Gambar di atas)

YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi dan pegawai HASiL bergambar dengan murid-murid serta tenaga pengajar SK Pulau Mabul. (Gambar di bawah)

